

Hentikan krisis di Bosnia: Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa - Krisis di Bosnia-Herzegovina perlu dihentikan segera dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) harus mencari tindakan berkekalan mengatasinya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kehadiran pasukan PBB yang didalangi oleh kuasa Barat di negara bekas Yugoslavia itu untuk menjaga serta mewujudkan keamanan sejagat dan bukan sebaliknya.

Jika kuasa besar dunia benar-benar berjuang menegakkan keadilan dan hak asasi manusia, mereka tidak sepatutnya membenarkan penganas Serb terus melancarkan pembunuhan.

Beliau mempersoalkan apa sudah dilakukan oleh kuasa besar dunia yang menghantar ribuan

anggota tentera lengkap bersenjata canggih, kereta perisai serta pesawat pejuang dan pengebom ke Bosnia.

Mereka yang dihantar ke sana, tegasnya, hanya melihat Serb melakukan keganasan, termasuk menyembelih 200,000 orang Islam Bosnia dan Croatia serta merogol berpuluh ribu wanita.

"Kini penganas Serb masih meneruskan penghapusan etnik mereka di hadapan anggota tentera serta jeneral dari negara yang melaungkan slogan konon mahu menamatkan pencabulan hak asasi manusia," katanya berucap merasmikan persidangan antarabangsa 'Menilai semula hak asasi manusia' hari ini.

Persidangan dua hari itu dianjurkan oleh Just World Trust (Just), sebuah pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) yang berjuang menuntut keadilan sejagat. Ia dihadiri lebih 350 peserta dari 60 negara.

Sebelum ini, Malaysia lantang menyuarakan kritikan terhadap kuasa Barat yang gagal menangani krisis di negara Balkan itu. Malaysia turut menghantar 1,500 anggota tentera menyertai misi pengaman PBB di sana.

Dr Mahathir berkata, penganas Serb terbabit hanya diberi amaran akan dikenakan tindakan ketenteraan jika tidak menghentikan perbuatan mereka, tetapi sehingga kini masih gagal dilaksanakan.

Anggota tentera Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) tidak melaksanakannya, sebaliknya meminta Serb berunding mencari penyelesaian.